

Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa dilancarkan petang kelmarin membabitkan 40 anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta dibantu 50 penduduk kampung.

Siti Fairuz berkata, ini bukan pertama kali anak bongsu daripada tiga beradik itu memukat ikan bersama bapa saudaranya, Supian Mohd Ali, 32, namun insiden yang berlaku itu di luar jangkaan.

Katanya, walaupun sedih dan masih terkejut, dia bersyukur kerana jasad Muhammad Ilham ditemui.

“Sepanjang operasi, saya dan suami tidak putus berdoa selain menunaikan solat hajat supaya anak kami ditemui dan Alhamdulillah ia dimakbulkan.

“Saya reda dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu mencari anak kami,” katanya.



*EH Pian (tengah) mengangkat mayat abangnya di bilik forensik Hospital Kelaburan, Tumpat, semalam.*